



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



# PANDUAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

*Sesi Disember 2020*

DISEDIAKAN OLEH:  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Kuching Sarawak  
Kemaskini : 27 Februari 2021

## **MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI DISEMBER 2020**

- ✓ Berikut adalah tarikh-tarikh penting bagi pelajar senior:

Perkara	Tarikh
Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Sesi Jun 2020	27 Februari 2021
Pembayaran Yuran Pengajian, Asrama & Bayaran Pelbagai	3 – 6 Mac 2021
Pendaftaran Pengajian Online ( <a href="http://spmp.poliku.edu.my">spmp.poliku.edu.my</a> )	4 – 7 Mac 2021
Pendaftaran Kursus Online	4 – 7 Mac 2021
Tarikh Rasmi Kuliah	8 Mac 2021

### **PENGUMUMAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS POLITEKNIK KUCHING SARAWAK SESI DISEMBER 2020**

Merujuk kepada kenyataan media **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** bertarikh **31 Januari 2021** berkaitan dengan **kemasukan semula** pelajar ke kampus secara **fizikal** bermula **01 Mac 2021**, pihak Majlis Keselamatan Negara telah bersetuju untuk membenarkan pelajar berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal **bermula 01 Mac 2021** bagi mengikuti **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** secara hibrid iaitu secara fizikal (**bersemuka**) bagi **komponen praktikal dan teori** secara dalam talian.

**Sila rujuk tarikh-tarikh penting kemasukan dan info di Lampiran 1 atau layari portal [www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my) untuk maklumat lanjut.**



## CARTA ALIR PROSES LAPOR DIRI SENIOR SESI DISEMBER 2020



## PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA & BAYARAN PELBAGAI

- ✓ Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjelaskan Yuran Pengajian, Yuran Asrama (bagi pelajar yang berkeperluan untuk kembali ke kampus), & Bayaran Pelbagai (bagi semester 3,7,& 9 sahaja) **SEBELUM MELAPOR DIRI DI POLITEKNIK**.
- ✓ Bayaran melalui **CDM BANK ISLAM** dan **PERBANKAN INTERNET (ONLINE BANKING) BANK ISLAM** sahaja.



### JADUAL YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA & BAYARAN PELBAGAI

Jadual 1: Pelajar Senior Semester 2 hingga 6 & Semester Lanjut 7 hingga 9

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	<b>Yuran Pengajian</b>	<b>200.00</b>
2	<b>Yuran Asrama</b>  * Yuran asrama hanya dikenakan kepada pelajar yang akan mengikuti PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal)	<b>60.00</b>
3	<b>Bayaran Pelbagai (Insurans)</b>  <i>* Bayaran ini perlu dibuat oleh semua pelajar yang berada di semester 3, 7 &amp; 9 sahaja. Sila ambil maklum, kiraan semester ini dibuat daripada sesi mula pengambilan.</i>  <b>Situasi:</b> Jika pelajar pernah menangguh pengajian pada semester 3 pada sesi Jun 2020, maka pada sesi Disember 2020, pelajar dikira sebagai semester 4 dan tidak perlu membayar bayaran pelbagai.  Sekiranya maklumat bayaran ini tiada di BIMB, bermakna anda tidak perlu membuat bayaran tersebut.	<b>40.00</b>
	<b>JUMLAH</b>	<b>300.00</b>

Pelajar yang menjalani **Latihan Industri DIKECUALIKAN** daripada bayaran yuran dan tidak perlu membuat pendaftaran di SPMP.


## **TATACARA BAYARAN MELALUI CASH DEPOSIT MACHINE (CDM) BANK ISLAM**

### **YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA**

**YURAN PENGAJIAN  
RM200.00**

**YURAN ASRAMA ( Jika berkaitan)  
RM60.00**

1. Pilih menu **YURAN IPT atau BILL PRESENTMENT.**
2. Masukkan **NO KP PELAJAR**
3. Pilih **POLITEKNIK KPT**
4. Pilih jumlah wang (RM200 dan RM60)
5. Sahkan data dan masukkan wang.
6. Sahkan jumlah kemasukkan wang.
7. Transaksi selesai dan ambil Resit.




### **BAYARAN PELBAGAI (INSURANS)**

**PELAJAR SEMESTER 3, 7, & 9 SAHAJA  
RM40.00**



## TATACARA BAYARAN MELALUI PERBANKAN INTERNET (ONLINE BANKING) BANK ISLAM

1. Layari <https://www.bankislam.biz/>.
2. Login menggunakan **USER ID** dan **PASSWORD**.
3. Pilih **Payment/Services** dan Klik **Bill Presentment**.



4. Pilih **New IC Number** dan masukkan no **kad pengenalan pelajar**.

The screenshot shows the "Bill Presentment" form. At the top, it displays the Bank Islam logo and the current date and time: "as at 22-Feb-2021 21:29:09 MYT". The form has fields for "ID / IC Type" and "ID / IC". The "ID / IC Type" field has a dropdown menu open, showing options: "Please select", "New IC Number" (which is highlighted in blue), "Old IC Number", "Passport Number", "Military Number", "Business Registration Number", "MyGST Number", and "IAP Serial Number". The "ID / IC" field is currently empty. On the right side of the form, there is a "Submit" button. At the bottom left, there is a note: "Note: To view our Bill Presentment Biller, click here".

5. Pilih **Bill** yang hendak dibayar.

List of Bill Presentment			
Select	No	Biller	Bill Number
<input type="radio"/>	1	Politeknik KPT	05006216RM200
<input type="radio"/>	2	Politeknik KPT	05006216RM060
<input type="radio"/>	3	POLITEKNIK KUCHING - KOPERASI PKS BERHAD	020216130639

6. **Pastikan amaun bayaran adalah sama** seperti di dalam jadual bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelajar.

Bill Presentment (Step 1 of 3)

as at 22-Feb-2021 21:31:57 MYT

From Account	<input type="text" value="Please select"/>	<a href="#">View Account Details</a>
Biller	POLI	
Bill Number	05006216RM200	
Student Name		
Student Number		
Amount	MYR	200.00
Charge Amount	MYR 0.50	
<a href="#">Back</a> <a href="#">Pay</a> <a href="#">Cancel</a>		

7. Setelah berpuashati dengan pilihan, klik butang **Pay** untuk membuat bayaran. Sila cetak slip bayaran untuk simpanan sendiri.  
8. **Ulang** semula **Langkah 3 hingga 7** untuk bayaran yang lain.

## LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SECARA ONLINE MELALUI SPMP

**TARIKH MULA LAPOR DIRI SPMP  
SESI DISEMBER 2020:  
4 – 7 MAC 2021**

- Semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk membuat LAPOR DIRI secara **ONLINE** melalui **Portal SPMP KECUALI** pelajar yang menjalani **Latihan Industri (LI)**.
- Pastikan anda telah menjelaskan yuran pengajian dan asrama (jika ditawarkan) sebelum membuat pendaftaran secara *online*.
- Pendaftaran hanya boleh dibuat **24 JAM** selepas pembayaran yuran dibuat.
- Pembayaran yang dibuat pada hari **Jumaat – Ahad AKAN** dikemaskini pada hari **Isnin** berikutnya.
- Buat satu salinan bagi setiap slip bayaran untuk simpanan sendiri.

## TATACARA LAPOR DIRI SECARA ONLINE MELALUI SPMP

- Layari <http://spmp.poliku.edu.my>
- Log masuk (Sila berurusan dengan Penasihat Akademik untuk tujuan **RESET** kata laluan).
- Klik pada menu **Hal Ehwal Pelajar > Pendaftaran > Lapor Diri Pelajar Senior**.
- Pelajar diminta untuk mengemaskini Maklumat Peribadi/Penjaga/MUET/Kaum dan sebagainya. Sila masukkan maklumat terkini yang sah.
- Cetak Slip Lapor Diri untuk urusan di Kaunter JHEP.



**Pendaftaran**


- **Lapordiri Pelajar Senior**
- **Kemaskini Maklumat Penjaga**
- **Borang-Borang HEP**

### SEKATAN ONLINE LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

Pelajar berikut akan **DISEKAT UNTUK LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR**:

- 1) Fail Pelajar/Dokumen Pendaftaran tidak lengkap
- 2) Tidak menjelaskan Yuran/Bayaran semester lepas.
- 3) Tidak Menjelaskan bayaran saman/denda.

Sehubungan dengan itu, semua pelajar terlibat dikehendaki untuk berhubung segera dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk penyelesaian kes bagi mengelak Lapor diri anda disekat.



## **MASALAH DAN PERTANYAAN BERKENAAN LAPOR DIRI SESI DISEMBER 2020**

Pelajar yang mempunyai sebarang masalah berkenaan proses Lapor Diri, sila hubungi **Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)** di talian **082 845 596 samb 182/245**.

Bagi pertanyaan lain, sila hubungi unit berkenaan untuk maklumbalas segera.

---

**Masalah dan pertanyaan berkenaan Keputusan Peperiksaan, rayuan Gagal Berhenti (GB), Penilaian Khas dan lain-lain berkaitan peperiksaan akhir sesi Jun 2020**

**Unit Peperiksaan**  
082 845596 samb 169

**Pertanyaan berkenaan permohonan Kolej Kediaman/Asrama**

**Unit Pengurusan Asrama**  
082 845596 samb 103

**Pertanyaan berkenaan Latihan Industri**

**Unit Perhubungan & Latihan Industri**  
082 845596 samb 144

**Pertanyaan akademik/kursus**

**Ketua Jabatan Akademik/Penasihat Akademik (PA)**  
082 845596

Dikeluarkan oleh

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**  
**Politeknik Kuching Sarawak**  
Tel: 082 845596 Faks: 082 845023  
Whatsapp  : 010 858 8906



## **PENGUMUMAN**

### **KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS POLITEKNIK KUCHING SARAWAK SESI DISEMBER 2020**

Merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 31 Januari 2021 berkaitan dengan kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal bermula 01 Mac 2021, pihak Majlis Keselamatan Negara telah **ersetuju** untuk membenarkan **pelajar** berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal bermula 01 Mac 2021 bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid iaitu secara fizikal (bersemuka) bagi komponen praktikal dan teori secara dalam talian.

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) prihatin dan menyedari kepentingan dalam memastikan keperluan program pengajian pelajar berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, kemasukan pelajar PKS ke kampus bagi melaksanakan PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal akan dibuat secara berperingkat mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 1** dan maklumat pendaftaran serta pelaksanaan PdP adalah seperti di **Lampiran 2**.

Pelaksanaan PdP secara hibrid di dalam kampus akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengutamakan keselamatan serta kebijakan pelajar. Pelajar yang **tidak** termasuk dalam kategori **pelajar** berkeperluan pula akan meneruskan PdP secara dalam talian.

Sebagai langkah mengawal penularan wabak pandemik COVID-19, semua pelajar adalah **WAJIB** untuk menginap di asrama mengikut tarikh yang ditetapkan. Pelajar juga adalah **DILARANG** untuk keluar daripada kampus atau menerima sebarang pelawat kecuali dengan kelulusan pengurusan PKS atas sebab yang munasabah. Pelajar juga dinasihatkan untuk membawa barang keperluan sendiri secukupnya sepanjang berada di kampus.

Pengumuman ini **adalah tertakluk kepada perubahan terkini yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PKS**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik atau Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk keterangan lanjut.

Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak  
15 Februari 2021

**JADUAL KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS PKS BAGI SESI PDP SECARA BERSEMUKA  
(KOMPONEN PRAKTIKAL)  
SESI DISEMBER 2020**

**A. KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEMESTER 1 KE ASRAMA PKS**

BIL.	KUMPULAN PELAJAR	TARIKH MASUK	TARIKH KELUAR
1	<b>Pelajar baharu semester 1</b> bagi program diploma : <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM)</li> <li>b. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) (DAD)</li> <li>c. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP)</li> <li>d. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan) (DPU)</li> </ul>	20 Mac 2021	08 Mei 2021
2	<b>Pelajar baharu semester 1</b> bagi program diploma : <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Diploma Kejuruteraan Awam(DKA)</li> <li>b. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE)</li> <li>c. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)</li> <li>d. Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE)</li> </ul>	17 Mei 2021	19 Julai 2021

**Nota**

**Pelajar baharu semester 1** bagi program **selain** di atas akan mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran secara Dalam Talian (PdPDT) **sepenuhnya** bermula pada 08 Mac 2021 (Rujuk Lampiran 2).

**B. KEMASUKAN PELAJAR SENIOR KE ASRAMA PKS**

BIL.	KUMPULAN PELAJAR	TARIKH MASUK	TARIKH KELUAR
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pelajar semester 2, semester 3 dan semester 5</b> bagi Program Diploma Geomatik (DGU)</li> <li>• <b>Pelajar semester 4 dan semester 5</b> bagi program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB)</li> <li>• <b>Pelajar semester 5</b> bagi program :           <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE)</li> <li>b. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)</li> <li>c. Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE)</li> <li>d. Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)</li> </ol> </li> </ul>	20 Mac 2021	08 Mei 2021
2	Pelajar <b>semester 4 dan semester 5</b> bagi program : <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM)</li> <li>b. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) (DAD)</li> <li>c. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP)</li> <li>d. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan) (DPU)</li> </ol>	21 Mac 2021	09 Mei 2021
3	Pelajar <b>semester 4</b> bagi program Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE)	17 Mei 2021	19 Julai 2021

BIL.	KUMPULAN PELAJAR	TARIKH MASUK	TARIKH KELUAR
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar <b>semester 3</b> bagi Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB)</li> <li>• Pelajar <b>semester 4</b> bagi program :           <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Diploma Geomatik (DGU)</li> <li>b. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE)</li> <li>c. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)</li> </ol> </li> <li>• Pelajar <b>semester 4 dan semester 5</b> bagi program Diploma Kejuruteraan Awam (DKA)</li> </ul>	18 Mei 2021	20 Julai 2021

**Nota**

**Pelajar senior** bagi semester/program **selain** di atas akan mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran secara Dalam Talian (PdPDT) **sepenuhnya** bermula pada 08 Mac 2021 (Rujuk Lampiran 2).

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Sesi Disember 2020 akan dilaksanakan secara dalam talian (PdPDT) kecuali PdP secara bersemuka bagi komponen praktikal.
2. Bagi sesi PdP secara dalam talian, pelajar tidak perlu pulang/mendaftar ke kampus dan hanya memerlukan capaian internet untuk sesi kuliah mengikut jadual waktu program masing-masing.
3. PdP secara bersemuka bagi komponen praktikal akan dilaksanakan di dalam kampus PKS dan semua pelajar **DIWAJIBKAN** menginap di asrama PKS. Pelajar **DILARANG** untuk keluar daripada kampus dan menerima sebarang pelawat kecuali dengan kelulusan pengurusan PKS atas sebab yang munasabah. Pelajar juga dinasihatkan untuk membawa barang keperluan sendiri secukupnya sepanjang berada di kampus.
4. Kemasukan pelajar ke kampus PKS akan dibuat dalam 2 fasa iaitu :

Fasa 1 : Kemasukan pada 20 Mac 2021 dan 21 Mac 2021

Fasa 2 : Kemasukan pada 17 Mei 2021 dan 18 Mei 2021

5. Kemasukan pelajar ke kampus PKS perlu mematuhi tatacara kemasukan seperti berikut :

### **5.1 Kemasukan pelajar dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan**

- 5.1.1 Kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Sarawak State Disaster Management Committee (SDMC)* dari semasa ke semasa.
- 5.1.2 Pelajar perlu menjalani ujian swab dan menjalani tempoh kuarantin wajib selama 14 hari seperti ketetapan yang dikeluarkan oleh SDMC. Sehubungan dengan itu, pelajar dinasihatkan untuk menempah jadual penerbangan ke Kuching pada **20 Mac 2021** atau **21 Mac 2021** bagi **PdP Bersemuka (Komponen Praktikal) Fasa 1** dan **17 Mei 2021** atau **18 Mei 2021** bagi **PdP Bersemuka (Komponen Praktikal) Fasa 2**. Pelajar hanya dibenarkan mendaftar ke asrama PKS selepas tamat tempoh kuarantin di lokasi yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 5.1.3 Pelajar perlu memaklumkan jadual penerbangan ke Kuching kepada Urusetia Kemasukan Pelajar PKS, **En. Mahathir bin Mohamad Kamin** atau **Cik Jenniecia Idrinanie anak Allay** di talian **082- 845204**.

## 5.2 Kemasukan pelajar dari dalam negeri Sarawak

- 5.2.1 Pergerakan pelajar ke kampus PKS perlu mematuhi ketetapan oleh SDMC dari semasa ke semasa.
  - 5.2.2 Pelajar perlu membuat Pengisytiharan Kesihatan dengan mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan (E-HDFPKS) secara dalam talian di laman web rasmi PKS dalam tempoh 12 jam sebelum pendaftaran ke asrama. Bukti Pengisytiharan Kesihatan yang telah dibuat hendaklah ditunjukkan semasa pendaftaran ke asrama.
  - 5.2.3 Pelajar perlu menjalani tempoh **pengasingan** selama sekurang-kurangnya 10 hari bermula daripada tarikh kemasukan ke asrama PKS mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sehubungan dengan itu, pelajar perlu mematuhi tarikh kemasukan dan pendaftaran ke asrama PKS.
6. Bagi pelajar yang mengulang kursus, pelajar perlu merujuk kepada Ketua Program atau Penasihat Akademik masing-masing untuk keterangan lanjut.
  7. Pelajar yang menjalani Latihan Industri perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak industri.
  8. Perancangan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan sebarang perubahan (jika ada), akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PKS.
  9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik atau Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk keterangan lanjut.

## LAMPIRAN 2

### MAKLUMAT PENDAFTARAN DAN PELAKSANAAN PDP SESI DISEMBER 2020

#### A. PELAJAR BAHARU SEMESTER 1

Bil.	Tarikh	Aktiviti
1	16/12/2020 hingga 27/02/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Pendaftaran pengajian semua pelajar baharu semester 1 secara dalam talian <i>(*pendaftaran pengajian hanya boleh dibuat selepas 24 jam dari masa pembayaran yuran)</i></li></ul>
2	02/03/2021 hingga 05/03/2021	<ul style="list-style-type: none"><li><b>Minggu Suai Kenal (MSK)</b> dan <b>pendaftaran kursus</b> pelajar baharu secara dalam talian</li></ul>
3	08/03/2021 hingga 09/05/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Kuliah rasmi bermula pada 08/03/2021 (secara dalam talian)</li><li>Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus bagi PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal (sila rujuk Lampiran 1)</li><li>Pelajar tidak berkeperluan ke kampus meneruskan PdP secara dalam talian</li></ul>
4	10/05/2021 hingga 16/05/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Cuti Pertengahan Semester</li></ul>
5	17/05/2021 hingga 20/06/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Kuliah (secara dalam talian)</li><li>Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus bagi PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal (sila rujuk Lampiran 1)</li><li>Pelajar tidak berkeperluan ke kampus meneruskan PdP secara dalam talian</li></ul>
6	21/06/2021 hingga 27/06/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Minggu Ulang Kaji</li></ul>
7	28/06/2021 hingga 16/07/2021	<ul style="list-style-type: none"><li>Peperiksaan Akhir Semester / Pentaksiran</li></ul>

## B. PELAJAR SENIOR

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
1	27/02/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan keputusan peperiksaan bagi sesi Jun 2020</li> <li>• Muat turun Panduan Pendaftaran Pelajar Senior Sesi Disember 2020 di portal <a href="http://www.poliku.edu.my">www.poliku.edu.my</a></li> </ul>
2	03/03/2021 hingga 06/03/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran yuran pengajian</li> <li>• Pembayaran yuran asrama (yuran asrama hanya dikenakan kepada pelajar yang akan mengikuti PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal)</li> <li>• Bayaran pelbagai pelajar (Rujuk Panduan Pendaftaran Pelajar Senior Sesi Disember 2020)</li> </ul>
3	03/03/2021 hingga 07/03/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran pengajian pelajar senior secara dalam talian (<b>*pendaftaran pengajian hanya boleh dibuat selepas 24 jam dari masa pembayaran yuran</b>)</li> </ul>
4	04/03/2021 hingga 07/03/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran kursus pelajar senior secara dalam talian</li> </ul>
5	08/03/2021 hingga 09/05/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuliah rasmi bermula pada 08/03/2021 (secara dalam talian)</li> <li>• Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus bagi PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal (sila rujuk Lampiran 1)</li> <li>• Pelajar yang tidak berkeperluan ke kampus meneruskan PdP secara dalam talian</li> </ul>
6	10/05/2021 hingga 16/05/2021	Cuti Pertengahan Semester
7	17/05/2021 hingga 20/06/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuliah (secara dalam talian)</li> <li>• Kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus bagi PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal (sila rujuk Lampiran 1)</li> <li>• Pelajar yang tidak berkeperluan ke kampus meneruskan PdP secara dalam talian</li> </ul>
8	21/06/2021 hingga 27/06/2021	Minggu Ulang Kaji
9	28/06/2021 hingga 18/07/2021	Peperiksaan Akhir Semester / Pentaksiran